



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2006

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT, PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT DAN JURUTEKNIK KOMPUTER

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan nama skim perkhidmatan serta syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54, Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29, F32, F38 dan Juruteknik Komputer Gred FT17, FT22, FT26 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini syarat lantikan yang ditetapkan bagi Pegawai Sistem Maklumat, Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Juruteknik Komputer adalah seperti berikut:

a. Skim Perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat

- i. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii. ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan serta Diploma Analisa Sistem (INTAN) atau Diploma Sains Maklumat daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- iii. ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T3); atau

- iv. ijazah sarjana dalam bidang sains komputer atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T6); atau

- v. ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T9)

b. Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat

Syarat lantikan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat ialah diploma dalam bidang sains komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

c. Skim Perkhidmatan Juruteknik Komputer

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) dalam bidang elektrik atau elektronik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- ii. sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T9)

3. Terdapat keperluan untuk mengemas kini syarat lantikan ketiga-tiga skim perkhidmatan tersebut selaras dengan keperluan semasa dan perubahan kurikulum pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sekolah serta pemansuhan kursus Diploma Analisa Sistem di INTAN dan kursus Diploma Sains Maklumat di IPTA.

4. Kajian juga mendapati kursus peralihan yang diperuntuk di bawah perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) bagi Penolong Pegawai Sistem Maklumat ke Pegawai Sistem Maklumat tidak memadai untuk membolehkan Penolong Pegawai Sistem Maklumat memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang setaraf dengan kelayakan akademik ijazah sarjana muda kepujian. Selain itu, didapati juga perkembangan terkini bidang ICT telah turut mengubah fungsi bidang tugas sebenar Pegawai Sistem Maklumat

dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat. Mengambil kira perubahan yang berlaku, maka kursus peralihan yang diperuntuk di bawah perbekalan KPSL bagi Penolong Pegawai Sistem Maklumat ke Pegawai Sistem Maklumat dan Juruteknik Komputer ke Penolong Pegawai Sistem Maklumat digugurkan.

5. Selaras dengan perkembangan-perkembangan tersebut maka kerajaan telah bersetuju supaya skim-skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat, Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Juruteknik Komputer diubah sewajarnya dari segi nama skim perkhidmatan dan syarat lantikan.

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT, PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN JURUTEKNIK KOMPUTER

Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat

6. Skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat yang diubah adalah seperti berikut:

- a. nama skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat **diubah** kepada Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54;
- b. syarat lantikan baru ialah:
 - i. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau **teknologi maklumat** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T1); atau

- ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T3); atau

- iii. ijazah sarjana dalam bidang sains komputer atau **teknologi maklumat** atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T6); atau

- iv. ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, **teknologi maklumat** atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T9)

- c. syarat KPSL daripada Penolong Pegawai Teknologi Maklumat ke Pegawai Teknologi Maklumat **diubah** dengan hanya mengekalkan syarat kelayakan akademik; dan
- d. perbekalan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi daripada Gred F54 ke Gred Khas **diubah** kepada gred yang lebih tinggi supaya seragam dengan lain-lain skim perkhidmatan.

Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

7. Bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat pula, perubahan adalah seperti berikut:

- a. nama skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat **diubah** kepada Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, F32, F38;
- b. syarat lantikan baru ialah:
 - i. diploma dalam bidang sains komputer atau **teknologi maklumat** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29:P1T1); atau
 - ii. **diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.**

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29:P1T2)
- c. syarat KPSL daripada Juruteknik Komputer ke Penolong Pegawai Teknologi Maklumat **diubah** dengan hanya mengekalkan syarat kelayakan akademik.

Skim Perkhidmatan Juruteknik Komputer

8. Perubahan kepada skim perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah seperti berikut:
 - a. syarat lantikan baru ialah:
 - i. **Sijil Pelajaran Malaysia** serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau **teknologi maklumat** pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T1); atau

- ii. **sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.**

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T6); atau

- iii. sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T9)

9. Skim-skim perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer adalah seperti di Lampiran **A, A1 dan A2** sementara format iklan jawatan adalah seperti di Lampiran **B, B1 dan B2**. Penghuraian kerja bagi Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer adalah seperti di Lampiran **C, C1 dan C2**. Jadual Gaji Matriks bagi ketiga-tiga skim perkhidmatan ini adalah seperti di Lampiran **D, D1 dan D2**.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

10. Bagi pegawai-pegawai sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan-kelayakan yang dinyatakan dalam syarat lantikan baru dan gajinya belum melepasi matagaji permulaan baru pada tarikh kuat kuasa, hendaklah ditetapkan ke gaji permulaan baru pada tarikh kuat kuasa tersebut. Gaji permulaan pegawai yang terlibat ditetapkan mengikut kaedah seperti berikut:

- a. **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat Gred F29**

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang dilantik sebelum 1 Januari 2007 dan memiliki kelayakan diploma dalam bidang

kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta gajinya belum melepasi matagaji P1T2 hendaklah ditetapkan di matagaji permulaan baru P1T2:RM1289.13.

b. Skim Perkhidmatan Juruteknik Komputer Gred FT17

Juruteknik Komputer Gred FT17 yang dilantik sebelum 1 Januari 2007 dan memiliki sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya serta gajinya belum melepasi matagaji P1T6 hendaklah ditetapkan di matagaji permulaan baru P1T6:RM880.15.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

11. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai yang terlibat dengan urusan penetapan gaji permulaan baru hendaklah diberi terlebih dahulu sebelum diselaras ke matagaji permulaan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

12. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG pada tahun berikutnya selepas pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

13. Contoh kaedah pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran E** bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat serta **Lampiran F dan F1** bagi skim perkhidmatan Juruteknik Komputer.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

14. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, F32, F38 dan Juruteknik Komputer Gred FT17, FT22, FT26 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

HADIAH PERGERAKAN GAJI

15. Pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) seperti yang dinikmati oleh Pegawai Sistem Maklumat melalui surat JPA(S)324/6/43 Klt.3(58) bertarikh 2 Disember 1995 adalah dikekalkan. Kaedah pelaksanaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995.

TARIKH KUAT KUASA

16. Tarikh kuat kuasa perubahan skim perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer ialah mulai **1 Januari 2007**.

PEMAKAIAN

17. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat, Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Juruteknik Komputer yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2007 hendaklah menggunakan semua skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Disember 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred F41	:	P1T1	RM1651.31	-	P1T25	RM4100.35
		P2T1	RM1734.80	-	P2T25	RM4337.51
		P3T1	RM1821.92	-	P3T25	RM4595.24
Gred F44	:	P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
		P2T1	RM2908.50	-	P2T14	RM4780.37
Gred F48	:	P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
		P2T1	RM4229.82	-	P2T8	RM5593.49
Gred F52	:	P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
		P2T1	RM4740.44	-	P2T8	RM6104.11
Gred F54	:	P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
		P2T1	RM4970.34	-	P2T8	RM6486.47

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T1); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T3); atau

(iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T6); atau

(iv) ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T9);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Teknologi Maklumat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED F44

10. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED F48

11. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED F52

12. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F54**

13. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred F29	:	P1T1	RM1235.89	-	P1T21	RM2427.74
		P2T1	RM1292.76	-	P2T21	RM2589.88
		P3T1	RM1352.05	-	P3T21	RM2732.66
Gred F32	:	P1T1	RM2171.22	-	P1T10	RM2879.07
		P2T1	RM2339.41	-	P2T10	RM3112.60
Gred F38	:	P1T1	RM2427.74	-	P1T12	RM3709.13
		P2T1	RM2595.93	-	P2T12	RM4097.54

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29:P1T1); atau
 - diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29:P1T2);
- dan
- lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F32**

10. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F38**

11. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

12. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

LAMPIRAN A2

SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK KOMPUTER

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred FT17	:	P1T1	RM674.45	-	P1T26	RM1860.25
		P2T1	RM716.80	-	P2T26	RM1961.89
		P3T1	RM760.36	-	P3T26	RM2067.16
Gred FT22	:	P1T1	RM1545.65	-	P1T12	RM2291.01
		P2T1	RM1659.39	-	P2T12	RM2530.59
Gred FT26	:	P1T1	RM1773.13	-	P1T9	RM2412.01
		P2T1	RM1943.74	-	P2T9	RM2640.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T1); atau

(ii) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T6); atau

(iii) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T9);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas atau hadir dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred FT17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Juruteknik Komputer Gred FT17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Juruteknik Komputer boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Juruteknik Komputer Gred FT17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Juruteknik Komputer Gred FT17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Juruteknik Komputer hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT22**

10. Juruteknik Komputer Gred FT17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT26**

11. Juruteknik Komputer Gred FT22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

12. Juruteknik Komputer yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat
- (b) Kementerian/Jabatan/
Badan Berkanun/Pihak
Berkuasa Tempatan : (Nyatakan Nama Agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

Gred F41	:	P1T1	RM1651.31	-	P1T25	RM4100.35
		P2T1	RM1734.80	-	P2T25	RM4337.51
		P3T1	RM1821.92	-	P3T25	RM4595.24
Gred F44	:	P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
		P2T1	RM2908.50	-	P2T14	RM4780.37
Gred F48	:	P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
		P2T1	RM4229.82	-	P2T8	RM5593.49
Gred F52	:	P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
		P2T1	RM4740.44	-	P2T8	RM6104.11
Gred F54	:	P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
		P2T1	RM4970.34	-	P2T8	RM6486.47

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T3); atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T6); atau

- (iv) ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah Gred F41:P1T9);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
